

25 JUL 2000

JALUR GEMILANG BOLEH DIBELI DI DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

KUALA LUMPUR, 25 Julai (Bernama) -- Warga kota boleh membeli Jalur Gemilang untuk dikibarkan sempena sambutan Bulan Kemerdekaan di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Bendera kebangsaan itu didapati di kaunter bayaran DBKL di Jalan Raja Laut dan pejabat cawangan di Taman Tun Dr Ismail dengan harga RM10 untuk saiz 60smx120sm dan RM13 untuk ukuran 90smx180sm, menurut kenyataan DBKL di sini.

Perayaan Bulan Kemerdekaan yang bermula 17 Ogos akan disambut di seluruh negara selama sebulan dengan bertemakan "Keranamu Malaysia".

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melancarkan pengibaran Jalur Gemilang pada 17 Ogos di Dataran Merdeka di sini.

Sempena perayaan, DBKL akan menganjurkan Konsert Irama Malaysia Sabtu ini bertempat di Auditorium DBKL. Artis undangan ialah Herman Tino, Mariam Ahmad, Orkid Abdullah dan V.Sarangavani. Konsert bermula pukul 8.30 malam.

Orang ramai boleh mendapatkan pas percuma di Bahagian Muzik, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Kemudahan Sosial, Tingkat 20, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut pada waktu pejabat.

-- BERNAMA

CS SHI AHH FAZ